

Panomor Ointment

25%w/w Methyl Salicylate, 5%w/w Menthol, 5% w/w Camphor , 5% w/w Eucalyptus Oil dan 5% w/w Peppermint Oil.

Apakah yang ada pada risalah ini

- Apakah kegunaan Panomor
- Bagaimana Panomor berfungsi
- Sebelum menggunakan Panomor
- Cara menggunakan Panomor
- Semasa menggunakan Panomor
- Kesan-kesan sampingan
- Cara menyimpan dan pelupusan Panomor
- Maklumat lanjut
- Pengilang
- Pemegang Pendaftaran Produk
- Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Panomor

Digunakan untuk melegakan simptom sakit otot dan sendi yang ringan dan sederhana, kekejangan otot, sakit bahu, ketidakselesaan pada otot leher dan sakit belakang.

Bagaimana Panomor berfungsi Methyl Salicylate

Menthyl salicylate adalah terbitan salicylic acid. Salicylates menghalang cyclooxygenases, oleh yang demikian, mengurangkan pembentukan prostaglandins dan menyebabkan platelet tidak berfungsi. Menthyl salicylate digunakan secara luaran bagi mengatasi kerengsaan. Selepas digunakan, ia akan diserap masuk ke dalam kulit dan ia juga digunakan untuk melegakan sakit reumatik, kesakitan otot ataupun sendi.

Camphor

Camphor adalah perangsang, rubefasen, antipruritic dan antiseptik yang lemah. Ketika digabungkan dengan bahan lain seperti menthol, ia menjadi penahan sakit ideal untuk neuralgia dan kawasan-kawasan sakit yang lain.

Menthol

Menthol mengembangkan saluran darah menyebabkan rasa kesejukan, diikuti oleh kesan analgesik. Menthol juga bertindak sebagai penambah tembusan, meningkatkan kadar penyerapan ubat apabila digunakan pada kulit, untuk memberikan kelegaan yang cepat.

Sebelum menggunakan Panomor

Produk ini tidak boleh digunakan kepada pesakit yang idiosinkrasi pada aspirin ataupun salicylate dan kepada mereka yang hipersensitif pada sebarang bahan dalam produk ini. Produk ini boleh menyebabkan kekejangan. Kontraindikasi pada bayi yang berumur 2 tahun ke bawah. Pengawasan mesti dilakukan apabila kanak-kanak yang lebih tua dirawat. Jauhi dari sapuan terus ke rongga hidung. Untuk kegunaan luaran sahaja, bukan untuk penggunaan oral. Mulakan dengan menyapu salap dengan jumlah yang kecil pada kawasan kulit dan perhatikan samada berlaku ketidakselesaan atau kegatalan sebelum menyapu dengan jumlah yang

banyak. Sila berhenti dari menggunakan salap ini jika kerengsaan berlaku. Elakkan dari terkena bahagian mata dan lapisan mukosa. Jangan sapu pada kawasan luka terbuka ataupun kulit yang rosak. Elakkan penggunaan berlebihan sewaktu dalam fasa mengandung dan menyusukan bayi. Jangan guna pada kawasan yang besar pada badan ataupun guna salap ini bersama pad pemanas. Jika simptom bertambah teruk, sila berjumpa dengan doktor.

Cara menggunakan Panomor

Sapu di kawasan atas lutut, otot, sendi dan kawasan yang sakit. Untuk kegunaan luaran sahaja. Sapu 3 atau 4 kali sehari atau bila perlu.

Dos berlebihan Gejala Dos Berlebihan Methyl Salicylate

Keracunan Salicylate boleh berlaku selepas pengambilan secara oral ataupun secara luaran bahan methyl salicylate. Keracunan ringan kronik ataupun 'salicylism' selalunya berlaku hanya selepas penggunaan berulang dalam dos yang besar. Salicylism boleh juga berlaku setelah sapuan luaran salicylates yang berlebihan. Gejala termasuk kepeningan, tinnitus, kepekakan, berpeluhan, kekeliruan, loya dan muntah dan boleh dikawal dengan mengurangkan dos. Simptom keracunan yang lebih parah ataupun keracunan akut setelah pengambilan dos yang berlebihan termasuklah

hyperventilasi, demam, kepenatan, ketosis, alkalosis respiratori dan asidosis metabolik. Kegagalan sistem saraf pusat boleh mengakibatkan koma, kegagalan kardiovaskular dan kegagalan respiratori.

Gejala Dos Berlebihan Camphor / Menthol

Penelanan jumlah yang signifikan dilaporkan menyebabkan gejala berikut: sakit perut yang parah, loya, muntah, vertigo, ataxia, mengantuk, dan koma; bayi akan rebah serta merta setelah sapuan lokal menthol / camphor ke dalam lubang hidung mereka. Sawan mungkin merupakan tanda klinikal yang pertama keracunan camphor yang parah, namun, kekejangan biasanya sembuh sendiri. Parah keracunan camphor boleh menyebabkan delirium, halusinasi visual, edema serebral, dan status epilepticus. Keracunan sistemik yang mungkin adalah termasuk hipotensi, tachycardia, kegagalan respiratori dan kematian.

Semasa menggunakan Panomor

Boleh menyebabkan sawan. Adalah berbahaya untuk meletakkan sebarang produk yang mengandungi camphor pada rongga hidung kanak-kanak. Penggunaan secara begini walaupun sedikit boleh mengakibatkan pitam serta-merta. Produk ini mengandungi methyl salicylate dan apabila digunakan pada kulit, boleh meresap masuk kedalam saluran darah. Untuk pesakit yang mengambil warfarin, penggunaan berlebihan pada kawasan kulit untuk sakit otot atau sendi boleh meningkatkan potensi pendarahan. Sapuan luaran

persediaan analgesic yang mengandungi methyl salicylate sepatutnya digunakan dengan berhati-hati kepada pesakit yang berisiko tinggi terhadap kesan advers salicylate. Kanak-kanak yang mengalami selesema, demam campak, ataupun demam dilarang menggunakan produk ini kerana salicylate akan mengakibatkan Reye's Syndrome.

Kesan sampingan

Produk ini boleh mengakibatkan sawan, sakit kepala, pening, loya dan muntah, kerengsaan pada kulit, dermatitis kontak, ruam, kegatalan, kemerahan, lebam, rasa terbakar dan rasa tersengat. Boleh menyebabkan hipersensitiviti atau alahan pada sesetengah individu yang berkulit sensitif.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-7883 5490, atau laman web portal: www.npra.gov.my (Consumers → Reporting).

Cara menyimpan dan pelupusan Panomor

Penyimpanan
Simpan pada suhu di bawah 30°C . Sila pastikan tiub sentiasa ditutup.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui air kumbahan atau sampah domestik. Sila bertanya ahli farmasi anda mengenai cara pelupusan ubat yang tidak digunakan lagi. Langkah ini membantu dalam memulihara alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan bentuk produk

Salap yang keputihan hingga kuning pucat dengan aroma bau dari methyl salicylate, camphor, bersama sensasi sejuk dari menthol.

Bahan-bahan

Aktif

- Methyl Salicylate
- Camphor
- Menthol
- Eucalyptus oil
- Peppermint oil

Tidak Aktif

- Beeswax
- Petroleum Jelly

MAL No:

Saiz bungkusan yang boleh didapati:

- Tiub 30g

Pengilang

IKOP Sdn Bhd,

Jalan Sultan Ahmad Shah,
Bandar Indera Mahkota,
25200, Kuantan, Pahang,
Malaysia.

Tel: +6095716684

Fax: +6095716541

Pemegang Pendaftaran Produk

HL Pharmaceuticals Sdn
Bhd,

No. 760 & 762,

Jalan Sentul, 51000 Kuala
Lumpur, Malaysia.

Tel: +60340418311

Fax: +60340419362

Tarikh Kemaskini RiMUP 11/01/2019

Nombor Siri

NPRA(R2)19/104